

Peranan Wanita Bekerjaya Dalam Mendidik Anak-Anak Menangani Pedofilia: Satu Sorotan Literatur

Maryam Che Yusoff Shauki, A'dawiyah Ismail

Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 UKM Bangi Campus, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
E-mail: maryamcys@gmail.com; ada@ukm.edu.my

Abstrak – *Selepas kedatangan Islam, kaum wanita tidak perlu lagi menjadi hamba kepada kaum lelaki. Mereka turut diberi kebebasan dan kuasa selagi tidak melampaui batas. Wanita bekerjaya pada zaman ini lebih ramai daripada kaum lelaki. Akan tetapi, wanita tidak boleh mengabaikan tanggungjawab daripada menguruskan hal-hal rumah tangga. Namun, sejak akhir-akhir ini Malaysia digemparkan dengan masalah jenayah pedofilia terhadap kanak-kanak. Hal ini mengakibatkan wanita bekerjaya perlu lebih mengambil peranan untuk lebih berhati-hati dan mengambil langkah pencegahan supaya jenayah tidak berlaku ke atas ahli keluarga. Justeru artikel ini bertujuan untuk mengemukakan peranan wanita bekerjaya dalam mendidik anak-anak supaya mereka tidak terlibat dengan jenayah pedofilia serta mengemukakan cara menangani masalah pedofilia daripada kalangan kanak-kanak. Metodologi pengumpulan data diambil daripada analisis dokumen terhadap sumber bercetak seperti buku, artikel, jurnal dan sebagainya. Hasil kajian awal menunjukkan wanita bekerjaya perlu mengambil beberapa peranan dengan lebih tegas iaitu peranan kepada anak-anak. Implikasi kajian ini adalah untuk memberi kesedaran tentang kepentingan tanggungjawab dan peranan ibu bekerjaya dalam mendidik anak-anak agar dihindari daripada masalah pedofili. Dengan ini masyarakat dan institusi kekeluargaan akan mencapai keharmonian.*

Kata kunci: *Wanita Bekerjaya, Mendidik anak, Menangani Pedofilia*

I. Pendahuluan

Kehadiran anak menjadi tanggungjawab kepada ibu untuk memelihara dan mendidik anak sehingga dewasa agar menjadi seorang insan yang berguna pada agama, keluarga, masyarakat dan negara. Pada zaman teknologi yang pesat ini pelbagai berita yang kita dengar dari media tentang kerosakan minda dan tingkah laku pada golongan kanak-kanak, remaja dan dewasa. Lebih menakutkan lagi berlakunya penderaan seksual terhadap kanak-kanak tanpa disedari oleh ahli keluarga sendiri. Penderaan seksual ini bukanlah satu perkara yang baru malah sudah lama berlaku, kebanyakan kalangan kanak-kanak dan remaja adalah golongan yang paling mudah untuk melakukan jenayah seksual kerana mereka mudah didekati dan tidak mengetahui apa itu seksual (D'Arreca 2003). Hal ini merupakan satu tanggungjawab berat dan halus yang harus digalas oleh setiap wanita yang bergelar ibu. Penderaan seksual terhadap kanak-kanak juga dikenali sebagai pedofilia. Perkataan pedofilia ini berasal dari *Paidos* yang bererti anak, dan *Philos* bererti mencinta (Nevid et. al 2003; Fatmawati 2017; Kartini 1989). Pedofilia adalah sesuatu penyakit yang berkaitan dengan kejiwaan seseorang di mana mempunyai masalah tentang seksual dan kecenderungan itu terhadap seksual kanak-kanak (Marzuki 1997). Pedofilia ini adalah satu penyakit mental yang dialami oleh seseorang individu tanpa mengetahui bahawa dirinya tidak normal dan mempunyai kecenderungan melakukan seksual terhadap kanak-kanak (Marzuki 1997). Menurut (Ratna 2015) maksud pedofilia ialah golongan dewasa yang tertarik seksual terhadap kanak-kanak dan melepas nafsu serakahnya.

Beberapa jenis pedofilia yang perlu diketahui oleh masyarakat. Pedofilia kebanyakan tergolong daripada golongan lelaki. Pelaku pedofilia ini mensasarkan kanak-kanak sebagai objek dan alat untuk dijadikan sebagai pemuas nafsu bagi yang menghidap penyakit pedofilia ini. Penyakit pedofilia terbahagi kepada dua iaitu pedofilia heteroseksual ialah suka dan cinta kepada kanak-kanak tetapi suka dan cinta mereka berbeza dengan orang normal dan memiliki seksual serta jenis kelamin yang berbeza. Manakala pedofilia homoseksual ini tertarik kepada kanak-kanak yang jenis kelamin yang sama (Masrizal 2007). Pedofilia juga mempunyai beberapa iaitu pedofilia eksklusif dan non eksklusif. Menurut (Lailatul 2015) pedofilia mempunyai beberapa bentuk iaitu pedofilia eksklusif (*fixated*) iaitu pesakit dari golongan lelaki yang hanya tertarik pada kanak-kanak kecil lelaki. Pedofilia non eksklusif (*regressed*) iaitu pesakit yang tertarik pada dua golongan iaitu kanak-kanak dan dewasa. Pesakit ini tertarik pada kanak-kanak perempuan yang berumur 10 tahun ke bawah, pada umumnya pesakit ini dari golongan lelaki yang sudah berkahwin.

Di samping itu, beberapa kriteria pedofilia sukar untuk orang awam menilai dan membezakannya kerana cara kehidupannya sama dengan masyarakat yang normal (Kosmo 2016). Menurut (Ron O'grady 2001) pesakit pedofilia mengatakan pedofilia ini mempunyai ciri-ciri berbahaya yang membawa keburukan kepada kanak-kanak antaranya ialah yang pertama pedofilia bersifat obsess dengan menguasai aspek kehidupan seperti mengetahui alamat rumah, pekerjaan, hobi dan sebagainya. Kriteria yang kedua ialah pedofilia bersifat predatori yang bermaksud pesakit berusaha sedaya upaya untuk memburu dan mengikuti segala pergerakan pemangsanya ke mana jua dan kriteria ketiga ialah pesakit pedofilia cenderung dalam mendokumentasi pemangsa dengan teliti dan rapi serta menyimpannya seperti video dan foto. Pemangsa akan diancam jika menolak kesemua kehendak pedofilia dan mengugut pemangsa supaya merahsiakannya, kehendak pedofilia ke atas pemangsa selalunya melakukan seks oral terhadap pemangsa. Oleh itu, menjadi tanggungjawab besar seorang wanita bekerjaya untuk mengetahui kedudukan dan peranan-peranan mereka dalam mendidik menurut Islam dan bagaimana cara wanita bekerjaya menangani anak-anak supaya terhindar daripada menjadi mangsa pedofilia.

Oleh demikian, wanita yang mempunyai keluarga dan berjawatan sangat penting dalam memberi pendidikan kepada anak-anak. Seorang ibu harus memberikan keperluan anak secara baik, tidak berlebihan, dan tidak kurang. Kepenuhan keperluan anak-anak secara berlebihan atau kurang akan menimbulkan peribadi yang kurang sehat di masa yang akan datang. Selain itu, kepentingan ibu sebagai suri teladan bagi anaknya bertujuan agar ibu mampu menjadi contoh bagi anak-anaknya. Kelakuan orang tua terutamanya kedua ibubapa cepat ditiru oleh anak-anak yang kemudian dijadikan panduan dalam perilaku anak. Maka, menjadi kewajipan para Ibu untuk menunjukkan akhlak yang baik untuk menjadikn teladan bagi mereka. Antara yang perlu dilakukan oleh wanita bekerjaya yang bergelar ibu untuk menghalangi jenayah pedofilia ialah berperanan kepada diri sendiri, anak-anak, masyarakat dan negara. Menurut (Asmah 2000) institut kajian dan isu kekeluargaan sentiasa berubah mengikut masa dan zaman dan ia memerlukan kajian yang lebih mendalam dan secara berterusan. Untuk membentuk keluarga yang bahagia, wanita mampu mendidik dengan memberi dan mencurahkan kasih sayang serta keprihatinan kepada anak-anak supaya menjadi generasi intelektual dan memberi contoh yang baik kepada masyarakat. Seperti yang kita sedia maklum, peranan seorang ibu kepada ahli keluarga sangatlah penting, tetapi yang paling penting sebelum mengurus ahli keluarga wanita yang paling penting sebagai seorang ibu ialah memastikan menjadi pimpinan dan bertanggungjawab kepada diri sendiri (Siti Zulaikah 1982). Kaum wanita hendaklah memastikan dirinya menjadi pimpinan dan pendidik buat dirinya sendiri. Menurut (Ratna 2007; Azizi & Gan Lui Nam; Amina 1999) ibubapa adalah teladan kepada anak-anak, maka mereka perlu menimba ilmu dan mencari pengalaman daripada orang yang lebih pakar mengenai pendidikan. Oleh itu mereka perlu memperolehi segala maklumat seperti di internet, surat khabar, majalah, buku, radio, televisyen, dan menuntut ilmu di masjid, mendengar kuliah, menghadiri seminar-seminar yang berkaitan dan sebagainya. Kaum wanita juga hendaklah mempunyai amal soleh dan iman yang kuat. Menurut (Norakhilah 2010; Abdul) wanita bekerjaya yang memiliki iman yang kuat dapat membentuk jati diri dalam mengharungi pelbagai ujian serta mampu membentuk keluarga yang berkualiti.

Selain itu, wanita bekerjaya mewajibkan serta mampu memelihara kewanitaannya di khalayak ramai dan ketika berurusan dengan pelanggan ketika bekerja. bahkan kaum wanita juga diharamkan menyerupai kaum lelaki seperti meniru pemakaian, gerakan dan sebagainya sehingga hilangnya sifat kewanitaan yang ada pada diri (Yusuf al-Qardhawi 2002). Pasangan suami isteri yang mempunyai anak diwajibkan untuk menjaga dengan sebaiknya, anak-anak adalah satu anugerah dan amanah diberi oleh Allah SWT. Oleh itu, ibu perlu melaksanakan dengan sebaiknya seperti mengasuh, menjaga dan mendidik menjadi seorang insan yang berguna di mata Allah SWT dan masyarakat. Sebagaimana firman Allah dalam surah al-Anfal 8:27-28:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمْنَتِكُمْ وَأَنْتُمْ
تَعْلَمُونَ ٢٧ وَأَعْلَمُوا أَنَّ أَمْوَالَكُمْ وَأَوْلَادَكُمْ فِتْنَةٌ وَأَنَّ اللَّهَ عِنْدَهُ أَجْرٌ
عَظِيمٌ ٢٨

Maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan RasulNya dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya). Dan ketahuilah bahawa harta benda kamu dan anak-anak kamu itu hanyalah menjadi ujian dan sesungguhnya di sisi Allah jualah pahala yang besar.”

Melalui ayat ini menjelaskan bahawa, wanita bekerjaya perlu memastikan anak-anak mendapat didikan ajaran Islam dengan sempurna kerana pada zaman ini penuh dengan cabaran yang mencabar untuk menyempurnakan akhlak yang baik.

Justeru itu, peranan dan tanggungjawab sebagai ibu kepada anak antaranya ialah mengajar ilmu agama dan mengenal ketuhanan. Persediaan ini yang paling utama wanita bekerjaya dalam pendidikan anak-anak adalah mengenali pencipta. Menurut (Aishah 1988) pendidikan memainkan peranan yang amat penting dalam menyuburkan asas-asas tauhid, membentuk akhlak yang baik, jiwa yang suci, dan adab-adab yang diajar oleh syarak. Kedua ialah Menyediakan pendidikan kepada anak-anak merupakan kewajipan keatas ibubapa. Menurut (Zakiah 1983) melalui pendengaran, penglihatan, perasaan atau perlakuan yang diterimanya, maka terhasillah keperibadian yang baik anak-anak di kemudian hari dari hasil didikan ibu. Ketiga pula ialah mengajar untuk mendisiplinkan diri. Kanak-kanak bebas untuk membeli apa yang mereka inginkan seperti pakaian, makanan, mainan yang mahal, malah ada di antara mereka yang bermasalah menggunakan wang yang diberi oleh kedua ibubapa dengan membeli rokok dan arak. Menurut (Hong 2011) penyalahgunaan bahan rokok dan arak dalam kalangan pelajar semakin meningkat. Hal ini terjadi disebabkan oleh kedua ibubapa yang terlalu memberi kebebasan dan kurang pengawasan. Pada zaman serba maju ini ibubapa harus bertegas, berdisiplin, dilatih dan diajar anak-anak untuk membuat kerja-kerja untuk memudahkan kehidupan mereka apabila melangkah ke alam dewasa.

Seterusnya, selepas tanggungjawab dan peranan yang diberikan oleh wanita bekerjaya terhadap anak-anak, mereka juga perlu mengambil langkah dan cara untuk menangani masalah pedofilia yang menjadi ancaman terhadap anak-anak. Antaranya, memantau pergerakan aktiviti anak-anak, mengajar anak-anak untuk bercerita apa yang dilakukan dalam seharian, mewujudkan komunikasi tentang ilmu pendidikan seksual dan sebagainya.

II. Pernyataan Masalah

Sebelum kedatangan Islam, status wanita seperti barangan yang boleh dijual beli. Kebanyakan mereka tidak dihargai sebagai seorang manusia, tidak mendapat hak yang sewajarnya sesuai dengan tugas dan tanggungjawab yang dilaksanakan sebagai seorang wanita. Selepas kedatangan Islam telah mengubah fenomena ini. Kaum wanita mula dipandang tinggi termasuklah diberikan kebebasan untuk mencari rezeki. Kaum wanita juga tidak dapat melarikan diri untuk melakukan tugas yang lebih penting iaitu peranan seorang wanita kepada diri sendiri, anak-anak dan masyarakat dan negara.

Walaubagaimanapun, peranan wanita dalam mengurus dan mendidik anak-anak menjadi semakin mencabar. Kes-kes jenayah seksual terhadap kanak-kanak yang semakin meningkat. Menurut (Bharian 2017) Mahkamah Jenayah Seksual terhadap kanak-kanak berjaya menyelesaikan 11 kes daripada 62 yang berdaftar, 25 kes dalam sebutan dan 26 masih dalam perbicaraan. Kenyataan ini disokong oleh (Sinarharian 2017) statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada 2010 hingga 2017, mengikut kategori telah menunjukkan kes rogol mencatat paling tertinggi iaitu 13,272 kes (59.7%), sumbang mahram 1,796 kes (8.07%), luar tabii 1,152 kes (5.12%) dan cabul 6,014 kes (27.04%). Oleh demikian, wanita perlu memahami tentang bahayanya masalah pedofilia dalam kalangan kanak-kanak dengan lebih agresif demi keselamatan anak-anak. Menurut (Astroawani 2016) kesilapan utama ibubapa ialah mereka sebenarnya tidak tahu maksud pedofilia dan tidak sedar gambar anak-anak mereka juga boleh dijadikan sebagai bahan pedofilia di ruang siber.

Oleh itu, sebagai seorang wanita bekerjaya, wanita bukan sahaja perlu mendidik anak-anak tentang agama Islam, namun wanita juga perlu memberi didikan akademik dan sosial kepada anak-anak termasuk kes-kes jenayah pedofilia yang hangat sedang berlaku di kalangan masyarakat.

III. Metodologi Kajian

Metodologi kajian yang digunakan oleh penulis bagi menerbitkan dapatan-dapatan yang dihasilkan untuk manfaat bersama. Secara khususnya dalam metodologi kajian ini meliputi aspek seperti reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan kaedah penganalisan data. Melihat kepada tajuk dan persoalan kajian tentang peranan wanita bekerjaya dalam mendidik anak-anak menangani pedofilia menurut Islam. Oleh yang demikian, penggunaan pendekatan reka bentuk kajian kuantitatif dilihat lebih sesuai digunakan untuk mendapatkan maklumat. Menurut (Chua 2011) hasil kajian penyelidikan pengkaji ditentukan oleh reka bentuk kajian dan kaedah. Justeru, kajian ini memberi tumpuan kepada cara wanita bekerjaya dalam menangani pedofilia dalam kalangan anak-anak menurut Islam. Data-data yang akan diperolehi kan dianalisis bagi mendapatkan persoalan dan jawapan objektif kajian dengan jelas. Bagi menganalisis data-data yang telah dikumpul, penulis menggunakan pendekatan analisis kandungan yang berbentuk deskriptif dalam artikel ini akan memperincikan perbincangan. Data yang diperolehi melalui borang soal selidik telah diedarkan kepada

responden dan dianalisis menggunakan *Statistic Package for Social Science (SPSS) Version 23*. Teknik diskriptif ini akan digunakan dan diolah melalui jadual mengikut min, kekerapan dan peratusan selepas dianalisis. Pemilihan jawapan responden terhadap item-item di soal selidik dengan menggunakan *Skala Likert* empat mata. Responden diminta untuk memilih jawapan dengan menandakan salah satu dari nombor 1 hingga 4 untuk keterangan bagi nombor-nombor tersebut iaitu (1) sangat tidak setuju, (2) tidak setuju, (3) setuju, (4) sangat setuju. Penentuan untuk interpretasi skor min berdasarkan Jadual 1 yang telah ditetapkan ialah 1.00 hingga 2.00 rendah, 2.01-3.00 sederhana, 3.01-4.00 tinggi.

Jadual 1: Skor Min Berdasarkan Empat Nilai

Markah	
Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00- 2.00	Rendah
2.01-3.00	Sederhana
3.01-4.00	Tinggi

Sumber: Fauziah et. al 2012

IV. Perbincangan Hasil Kajian

Demografi responden terdiri daripada 41 orang di kalangan wanita bekerja yang berbangsa Melayu dan beragama Islam. Kajian ini menggunakan soal selidik untuk mendapatkan data mengenai cara wanita bekerja menangani masalah pedofilia. Soal selidik ini menggunakan aplikasi *google form* secara online. Umur mereka antara 25 hingga 61 tahun ke atas. Status perkahwinan mereka berkahwin dan janda atau balu. Tahap kelulusan antara sijil (STPM, SPM, SRP, PT3) hingga ke peringkat ijazah sarjana. Jenis pekerjaan pula perkeranian sehingga ada yang memegang jawatan profesional dan eksekutif. Pengalaman bekerja mereka selama 0-5 tahun sehingga 41 tahun keatas. Pendapatan mereka bermula RM2000 ke bawah sehingga RM5000 ke atas. Hasil kajian yang dilakukan mengenai cara wanita bekerja mendidik anak-anak dalam menangani masalah pedofilia menurut Islam seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Cara Wanita Bekerjaya Mendidik Anak-Anak Dalam Menangani Masalah Pedofilia Menurut Islam.

BIL		STS	TS	S	SS	MIN
1.	Saya mengajar anak-anak bahagian-bahagian sensitif yang tidak boleh disentuh oleh orang lain.	-	8 (19.5%)	-	33 (80.5%)	3.80
2.	Saya mengajar pendidikan seksual bagi mewujudkan komunikasi bersama anak-anak.	-	5 (12.2%)	18 (43.9%)	18 (43.9%)	3.31
3.	Saya selalu berbincang tentang bahaya kesan negatif masalah pedofilia dengan anak-anak.	-	8 (19.5%)	21 (51.2%)	12 (29.3%)	3.09
4.	Saya mengajar anak-anak teknik asas mempertahankan diri daripada ancaman orang yang tidak dikenali.	-	3 (7.3%)	17 (41.5%)	21 (51.2%)	3.43
5.	Saya menegaskan kepada anak-anak supaya tidak mengikuti orang yang tidak dikenali.	-	-	8 (19.5%)	33 (80.5%)	3.80
6.	Saya sentiasa menasihati anak-anak supaya berjalan bersama dengan ahli keluarga ketika berada di tempat awam.	-	-	9 (22.0%)	32 (78.0%)	3.78
7.	Saya akan memastikan pakaian yang dipakai oleh anak-anak menutup aurat.	-	-	9 (22.0%)	32 (78.0%)	3.78
8.	Saya sentiasa mengingatkan anak-anak beberapa situasi-situasi yang berbahaya.	-	-	13 (31.7%)	28 (68.3%)	3.68
9.	Saya melatih anak-anak menjerit ketika dalam situasi berbahaya.	1 (2.4%)	-	14 (34.1%)	26 (63.4%)	3.60
10.	Saya tidak akan memberi					

	kebebasan kepada anak-anak bermain bersendirian tanpa pemantauan.	-	-	8 (19.5%)	33 (80.5%)	3.80
11	Saya akan meluangkan masa untuk mendengar luahan dan cerita anak-anak tentang aktiviti seharian.	-	-	14 (34.1%)	27 (65.9%)	3.65
12	Saya akan berusaha untuk mendapat kepercayaan anak-anak terhadap saya.	-	-	11 (26.3%)	30 (73.2%)	3.73
13	Saya memantau anak-anak ketika melayari internet.	-	3 (7.3%)	16 (39.0%)	22 (53.7%)	3.46
14	Saya kurang memuatnaik gambar anak-anak di media sosial.	-	3 (7.3%)	12 (29.3%)	26 (63.4%)	3.56
15	Saya akan menapis siaran televisyen yang ingin ditonton oleh anak-anak.	-	2 (4.9%)	18 (43.9%)	21 (51.2%)	3.46
16	Saya menyekat laman-laman sosial kanak-kanak yang berunsurkan pornografi.	-	2 (4.9%)	14 (34.1%)	25 (61.0%)	3.56

*STS=Sangat Tidak Setuju

TS=Tidak Setuju

S=Setuju

SS=Sangat Setuju

Sumber: Soal Selidik 2017

Secara umum, hasil kajian ini menunjukkan cara menangani masalah pedofilia yang mencapai min paling tinggi adalah item pertama “Saya mengajar anak-anak bahagian-bahagian sensitif yang tidak boleh disentuh oleh orang lain”. Dapatan ini disokong oleh (Yuswi et.al) untuk mencegah timbulnya masalah jenayah seksual adalah sebaiknya seorang ibu memberi penjelasan mengenai seksual dengan dimulai anak-anak kecil mampu untuk bertanya. Item kedua ialah “Saya menegaskan kepada anak-anak supaya tidak mengikuti orang yang tidak dikenali”.

Dapatan ini turut disokong oleh (Lee Lam 2016) bahawa mengingatkan anak-anak agar tudak mudah mengikut pelawaan orang yang baru dikenali seperti untuk minum, makan bersiar-siar dan sebagainya. Item ketiga ialah “Saya tidak akan memberi kebebasan kepada anak-anak bermain bersendirian tanpa pemantauan”. Disokong oleh (Saifulizam 2016) ibubapa perlu meningkatkan pengawasan pergerakan anak-anak di rumah atau di luar termasuklah mengambil tahu tentang aktiviti alam siber. Ketiga-tiga item ini adalah tertinggi skor sebanyak (min =3.80). Manakala, item min yang paling rendah ialah “Saya selalu berbincang tentang bahaya kesan negatif masalah pedofilia dengan anak-anak” (min=3.09). Turut disokong oleh (Hushim et.al) ibubapa lebih layak menyampaikan serta memperbincangkan tajuk dan isu tentang seksual kerana ia lebih natural dan semula jadi serta mungkin anak-anak lebih mendengar dari ibubapa sendiri.

VI. Kesimpulan

Sebagai rumusan dalam artikel ini, terdapat beberapa peranan utama yang perlu dilakukan oleh wanita bekerjaya untuk mendapat kehidupan yang sejahtera dalam institusi kekeluargaan. Antaranya ialah peranan kepada diri sendiri, anak-anak, masyarakat dan negara. Hal ini demikian kerana semakin berpengetahuan wanita bekerjaya dalam memikul tanggungjawab dalam mendidik anak-anak maka lebih terjamin keselamatan anak-anak daripada terjebak bahayanya jenayah pedofilia di kalangan kanak-kanak yang hangat diperkatakan di Malaysia. Pedofilia dikatakan amat berbahaya oleh masyarakat kerana ia melibatkan keselamatan jiwa dan nyawa anak-anak. Anak-anak yang terlibat akan mengakibatkan pembesaran anak-anak akan terjejas disebabkan masalah ini. Oleh itu, sebagai wanita bekerjaya yang mempunyai anak-anak masih banyak lagi peranan dan tanggungjawab yang perlu dilakukan. Namun begitu, ia amat memerlukan sokongan dan kekuatan oleh ahli keluarga terdekat dan masyarakat.

Rujukan

1. A'dawiyah Binti Ismail. 2011. *Pembentukan Keluarga Berkualiti Dalam Kalangan Wanita Bekerjaya Menurut Islam: Kajian Kes Di Putrajaya*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Sains Malaysia.
2. Abd. Rashid Hj. Ahmad. 2015. *Aspek-aspek pendidikan dalam Solat*. t.tp. t.pt.
3. Aishah Hassan. 1988. *Pendekatan Islam Terhadap Pendidikan Anak-anak*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
4. Anon. 2016. *Pedofilia: Selamatkah Kanak-Kanak Kita?*. Utusan Malaysia. 21 Julai.
5. Asmah Bee Mohd Nor. 2000. Peranan Institusi Keluarga Dalam Menangani Masalah Remaja. Dlm. Fariza Md. Sham, Sulaiman Ibrahim, & Ideris Endot (pys.). *Dakwah dan Perubahan Sosial*. Kuala Lumpur Utusan Publications & Distributors.
6. Azizi yahaya, Ga Lui Nam. t th. *Peranan IbuBapa*. Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.

7. Benjamin B. Lahey. 1989. Ed 3. *Psychology: An Introduction*. Dubuque, Iowa: Wm. C. Brown Publishers.
8. Chua, Yan Piaw. 2011. *Kaedah Penyelidikan*. Buku 1. Ed. Ke-2. Malaysia: Mc Graw Hill. hlmn. 65.
9. Conte, J. & Schuerman. 1987. J. Factory associated with an increase impact of child sexual abuse. *Child Abuse & Neglect* 1(11): 201-211.
10. Fatmawati. 2017. *Pencabula Anak Dalam Perundang-Perundang Di Indonesia* (Studi Hukum Islam). Sarjana Hukum Jurusan Perbandingan Mazhab Dan Hukum. Fakultas Syari'ah dan Hukum. UIN Alauddin Makassar.
11. Fauziah Ibrahim, Norulida Sarnon, Khadijah Alavi, Mohd Suhaimin, Noremy Md Akhir & Salinan Nen. 2012. Memperkasakan Pengetahuan Agama dalam Rancangan Remaja Bermasalah Tingkah laku: Ke Arah Pembentukan Akhlak Remaja Sejahtera *Journal o Social Science and Humanities* 7.
12. Hong Kian Sam. 2011. *Penyalahgunaan Bahan Di Kalangan Remaja: Satu Kajian di Sekolah Menengah Sarawak*. *Jurnal Antidadah Malaysia: Malaysia Anti Drugs Jurnal*. Agensi Antidadah Kebangsaan dan Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Putrajaya.
13. Hushim Salleh, Che Ruzana dan Rosni Kadir. T.th. *Pendidikan Seksual dalam Menangani Permasalahan Seksula Mahasiswa di IPT: Satu Tinjauan Kaunseling*.
14. Kamarul Azmi Jasmi, Mohd. Ismail Mustari, Azhar Muhammad. 2008. *Wanita dalam Dakwah dan Pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia.
15. Kartini Kartono. 1989. *Psikologi Abnormal Dan Abnormalisasi Seksual*. Bandung: Mandar Maju.
16. Khadijah Alavi, Salina Nen, Fauziah Ibrahim, Noremy Md.Akhir, Mohd Suhaimi Mohamad, Noorhasliza Mohd Nordin. 2012. *Hamil Luar Nikah Dalam Kalangan Remaja (Pregnancy Out Of Wedlock Among Teenagers, Journal Of Social Sciences and Humanities, Faculty of Social Sciences and Humanities*, Universiti Kebangsaan Malaysia. hlmn. 6.
17. Lailatul Firdah. 2015. *Upaya Promosi Kesehatan Fenomena Tindak Peofilia Di Provinsi Jawa Timur* (Studi Dokumentasi Ditinjau dari Pendekatan PRECEDE PROCEED), Bahagian Promosi Kesehatan Dan Ilmu Perilaku Fakultas Kesehatan Masyarakat Universitas Jember. hlmn. 44.
18. Mahani Ishak. *Masalah Obesiti yang Membimbangkan*. Berita Harian. 2017.
19. Marzuki Umar Sa'adah. 1997. *Seks dan Kita*, Jakarta:Gema Insani Press. hlm.154.
20. Masrizal Khaidir. 2007. *Penyimpangan seks (pedofilia)*, *Jurnal Kesehatan Masyarakat*. hlm. 83.
21. Nevid J. S., Ratus S.A. and Greene B. 2003. *Psikologi Abnormal*. Jakarta: Penerbit Erlangga.
22. Norakhilah Bte Baharin. 2010. *Identiti dan Jati Diri Wanita Menurut Perspektif Islam*. Konvensyen Wanita Islam Nasional Dewan Wawasan. Politeknik Port Dickson: Negeri Sembilan.
23. Nurul Khaleeda Rashikin. 2017. <http://www.sinarharian.com.my/mobile/nasional/jenayah-seksual-ibu-bapa-perlu-berterus-terang-1.709485>. [2 Ogos 2017].
24. Ratna Roshida Abd. Razak, Nik Haslinda Nik Hussain. 2007. *Peranan Institusi Keluarga Dalam Penjanaan Bangsa Bertamadun*. *Jurnal Kemanusiaan*. Universitas Sains Malaysia.
25. Ratna Widiyati. 2015. Tesis *Tindak Pidana Terkait Sodomie Terhadap Anak Dalam Perspektif Perlindungan Anak*, Fakultas Hukum Universits Airlangga Surabaya, hlmn 24,33-35.
26. Robiah K. Hamzah. 2012. *Teknik & Strategi Membimbing Remaja*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distribution Sdn Bhd.
27. Rohaniza Idris, Hazwan Faisal Mohamed dan Ahmad Adnan. 2017. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2017/07/307306/11-kes-jenayah-seksual-kanak-kanak-selesai-azalina>. [2 Ogos 2017].
28. Ron O'grady and Gunter Schmidt. 2002. www.mhmic.org.
29. Saifulizam Mohamad. 2016. <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/kawalan-kendiri-pengawasan-elak-pedofilia-1.353138>. [10 Oktober 2017]
30. Siti Zulaikha Mohd Nor. 1982. *Kedudukan dan Peranan Wanita dalam Islam*. Angkatan Belia Islam Malaysia.
31. Suhana Yeru. 2016. *Elak Anak-Anak Jadi Mangsa Pedofilia*. Kosmo. 9 Jun.
32. T K Letchumy Tamboo. 2016. [HTTP://WWW.ASTROAWANI.COM/BERITA-MALAYSIA/PEDOFILIA-IBU-BAPA-JANGAN-KETAGIH-MUAT-NAIK-GAMBAR-ANAK-121269](http://WWW.ASTROAWANI.COM/BERITA-MALAYSIA/PEDOFILIA-IBU-BAPA-JANGAN-KETAGIH-MUAT-NAIK-GAMBAR-ANAK-121269) [2 OGOS 2017].
33. Yurika Fauzia Wardhani, Alit Kurniasari. t.th. *Pedofilia Sebagai Ancaman Tersembunyi Bagi Anak-Anak*. Pusat Penelitian Dan Pengembangan Humaniora Dan Manajemen Kesehatan, Pusat Penelitian Dan Pengembangan Kesejahteraan Sosial, Kementerian Kesihatan.
34. Yusuf Al-Qardhawi. 2002. *Wanita Dalam Masyarakat Islam Menurut Al-Quran & As-Sunnah*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.
35. Yusmi DwiPutri, Permata Ashfi Raihana dan Eny Purwandari. T.t.h. *Pemahaman Anak Terhadap Peran Jenis Kelamin*. Universitas Muhammadiyah Surakarta.
36. Zakiah Daradjat. 1983. *Islam dan Peranan Wanita*. Bulan Bintang: Jakarta, Indonesia.